


Unit 22: Bumiku Sejahtera (Kemahiran membaca)

Soalan: Baca dan fahami maklumat. Kemudian lengkapkan cerita.



Kawan-kawan, saya telah membaca maklumat tentang inovasi yang dihasilkan oleh Encik Zaini bin Murad.

Encik Zaini telah berjaya menghasilkan cara untuk menghalau siput babi yang mengganggu tanaman di kebun sayurnya. Saya hendak berkongsi maklumat tersebut dengan kawan-kawan.

Mula-mula, beliau (1) _____ yang digunakan oleh keluarganya untuk memasak. Kemudian, beliau meletakkan kulit telur itu di atas nyiru. Selepas itu, beliau (2) _____ di halaman rumah. Seterusnya, beliau (3) _____ dengan menggunakan lesung.

Akhir sekali, beliau (4) _____ di sekeliling sayuran yang ditanamnya dikebun sayur. Lantaran itu, (5) _____ atau merosakkan tanamannya kerana kulit telur yang tajam itu tidak digemari oleh siput babi.